

08 SEP 1998  
MAHATHIR-HASIL/I  
KAWALAN TUKARAN WANG BERHASIL, KATA MAHATHIR

BANGI, 8 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata langkah-langkah kawalan tukaran wang yang diumumkan minggu lalu telah membuah hasil yang berbaloi.

Ini terbukti dengan minat yang melonjak terhadap pasaran saham dan penstabilan ringgit, Perdana Menteri berkata mengenai langkah-langkah yang bertujuan mempertahankan ringgit daripada serangan spekulatif berterusan.

Sungguhpun Malaysia percaya terhadap pasaran bebas dan meskipun spekulator menyalahkan kerajaan terhadap kawalan yang lemah, "kita tidak membiarkan mereka menyentuh matawang kita," katanya.

Katanya bahawa mulai 1 Okt 1998, mereka yang menyimpan ringgit atau mempunyai simpanan ringgit di seberang laut tidak akan dapat menukar matawang itu untuk membeli matawang-matawang asing kecuali mereka menggunakan wang untuk membeli aset-aset Malaysia.

Bursa Saham Kuala Lumpur, yang melonjak ke depan sejak langkah-langkah itu diumumkan Selasa lalu, mencatatkan kenaikan seharian terbesar dalam masa 24 tahun semalam apabila indeks komposit meningkat 22.46 peratus atau 81.62 mata kepada 445.06.

Pada satu ketika, Indeks Komposit mencecah paras tertinggi harian sebanyak 473.49 mata didorong oleh pembelian berleluasa manakala ringgit, yang telah diikat pada RM 3.8 kepada setiap dolar, telah menjadi stabil berbanding matawang-matawang utama lain.

Dengan perkembangan yang positif seumpamanya di pasaran, "langkah-langkah itu tidaklah teruk sangat," kata Dr Mahathir mengenai kawalan itu semasa sesi soal-jawab selepas menyampaikan ucap utama pada persidangan dwi tahunan Persatuan Komanwel bagi Pentadbiran dan Pengurusan Awam di sini hari ini.

Dr Mahathir juga berkata langkah-langkah kawalan tukaran wang itu adalah amat berjaya dan rakyat telah memperolehi keyakinan semula terhadap ekonomi.

"Pada umumnya, ekonomi kita sedang meningkat dan saya harap ini akan berterusan," katanya.

Pada satu sidang akhbar kemudian, Dr Mahathir berkata kelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan tidak akan mengakibatkan kekacauan di negara ini.

"Tidak, saya tidak fikir begitu, hakikat bahawa kita boleh lihat pasaran saham kita meningkat (dan) pada amnya, rakyat Malaysia adalah lebih berdisiplin, saya tidak jangka masalah seumpama itu," katanya.

Kepada satu soalan mengenai sama ada kerajaan akan menghapuskan sekatan ke atas pinjaman bagi pembelian saham, katanya "kita akan perhatikan pasaran saham dengan teliti."

"Kalau ia naik terlalu cepat, tidak ada keperluan untuk menghapuskan sekatan pinjaman, tetapi jika ia bergerak dengan lembap, kita akan mengadakan wang daripada bank-bank," katanya.

Mengenai kegusaran sama ada satu pasaran gelap akan muncul untuk ringgit berikutan langkah-langkah kawalan tukaran wang yang akan menjadikan ringgit tidak boleh ditukar di sebarang laut, katanya "ia boleh dikawal."

Mengenai pendapat oleh Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) minggu lalu bahawa langkah-langkah kawalan tukaran wang akan gagal, Dr Mahathir berkata: "Kita akan lihat sama ada ia gagal atau tidak."

"Mereka mengharap ia gagal, mereka akan lakukan apa saja untuk menggagalkannya," katanya.

"Buat masa ini, banyak orang berfikir dengan bersungguh-sungguh untuk cuba mencari jalan bagaimana mereka boleh kecewakan Malaysia," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

AA OS